



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بُوتِنَبَرُؤِنَتِي اِسْلَامًا اِنْتَبَارًا رِجْسًا مِلْدِيَنِيَا

**PEMBUBARAN PERKAHWINAN
MENURUT ORDINAN KELUARGA ISLAM SARAWAK:
KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH KUCHING**

OLEH

AWG. SUHAILI @ SUHAIDI B. LEDI

(G. 9310323)

**KULIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
SESI 1993/94**

**Pembubaran Perkahwinan
Menurut Ordinan Keluarga Islam Sarawak:
Kajian di Mahkamah Syariah Kuching.**

**Oleh
Awg. Suhaili @ Suhaidi b. Ledi
(G 9310323)**

**Kertas Projek Ini Adalah Sebahagian
Daripada Keperluan Kursus Diploma Undang-Undang
Dan Pentadbiran Kehakiman Islam
Sesi 1993/94**

**Kuliyah Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan**

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, terlebih dahulu penulis setinggi memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya penulis dapat menyiapkan latihan ilmiah dalam masa yang ditetapkan.

Pertama sekali penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan terima kasih kepada Al-Fadhil Ustaz Yaacob bin Ismail penyelia latihan ilmiah ini di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan dorongan yang diberikan kepada penulis. Tanpa bimbingan yang telah diberikan, sukar bagi penulis untuk menyiap dan manghasilkan latihan ilmiah seperti ini.

Seterusnya kepada pihak Mahkamah Syariah Kuching terutama Yang Arif Kadi Besar Ustaz Awang Pon bin Awang Sebon, pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah Kuching dan juga kepada pihak Jabatan Agama Islam, Kuching Sarawak (JAIS) terutama kepada Ustaz Rosli bin Arof dan Ustazah Simoi binti Peri serta kakitangan JAIS.

Tidak lupa juga diucapkan berbanyak terima kasih kepada Prof. Madya Dato' Nik Abdul Rashid Abdul Majid di atas segala penerangan mengenai cara-cara untuk menyiapkan latihan ilmiah ini terutama mengenai metodologi penyelidikan.

Pada kesempatan ini juga penulis ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan segala ilmu pengetahuan sepanjang penulis berada di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) terutama kepada Tan Sri Datuk Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim dan Prof. Dato' Mahmud Saedon Awang Othman. Redhakanlah segala ilmu yang telah dicurahkan agar kami dapat mempraktik dan menyampaikannya kepada orang lain.

Tidak lupa juga penulis ucapkan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, pihak Universiti Malaya kerana membenarkan penulis menggunakan segala kemudahan yang ada.

Seterusnya kepada ibu dan ayah serta keluarga yang bersusah payah membanting tulang untuk membolehkan penulis barjaya dalam pelajaran. Jasa dan sumbangan kalian akan tetap penulis ingatkan hingga ke akhir hayat.

Akhir sekali penulis mengucapkan terima kasih kepada semua rakan yang membantu menyiapkan latihan ilmiah ini terutama kepada saudara Najarudin Nedri, Ustaz Kamil Suhaili, Zamri yang sudi membenarkan penggunaan komputer mereka. Seterusnya buat dirimu yang hadir disaat-saat terakhir dalam kehidupanku sebagai pelajar di UIAM.

Penutup bicara, penulis memohon kehadiran Allah SWT agar budi baik dan kerjasama yang semua pihak berikan samada secara langsung atau tidak langsung mendapat ganjaran setimpal dari Allah S.W.T. Semoga Allah S.W.T melanjutkan usia kita semua agar dapat kita menambah dan mempertingkatkan keimanan, ketaqwaan dan ibadat kepada Allah S.W.T yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

5 Mei 1994 Masihi

24 ZulQaedah 1414 Hijrah

Awg. Suhaili @ Suhaidi b. Ledi
441, Kampung Bintawa Tengah Petra Jaya
93050, KUCHING.
SARAWAK.

ABSTRAK.

Latihan Ilmiah ini dinamakan *Pembubaran Perkahwinan Menurut Ordinan Undang-Undang Islam Sarawak: Kajian di Mahkamah Syariah Kuching*. Kajian ini secara umumnya membincangkan mengenai konsep perceraian menurut perspektif Islam dan perspektif Undang-undang Keluarga Islam Sarawak, sebab berlakunya perceraian dan langkah yang perlu diambil bagi membendung masalah berlakunya perceraian.

Latihan Ilmiah ini mengandungi lima bab. Bab Pertama yang dinamakan Muqaddimah menjelaskan mengenai Latarbelakang Kajian, Metodologi Kajian, Objektif dan Masalah Kajian. Dengan penjelasan tersebut akan memudahkan pembaca untuk mengetahui perkara-perkara asas berhubung dengan kajian ini.

Bab Kedua pula bertajuk Pembubaran Perkahwinan (Perceraian) yang memberi huraian mengenai konsep perceraian menurut perspektif Islam dan menurut pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pembubaran parkahwinan (perceraian) menurut Islam dan pembubaran perkahwinan menurut Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak. Dengan yang demikian kita dapat melihat perbandingan di antara perceraian dalam Islam yang menjadi asas kepada Ordinan Undang-undang Keluarga Islam. Bab ini memaparkan semua jenis perceraian dalam Islam dan semua peruntukan mengenai perceraian dalam Ordinan Undang-undang Keluarga Islam.

Bab Ketiga yang bertajuk **Kajian Kes**, menerangkan peruntukan undang-undang khususnya mengenai pembubaran perkahwinan mulai Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak 1915 hinggalah undang-undang keluarga yang dipakai kini iaitu Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Sarawak, 1991. Disamping itu bab ini menghuraikan mengenai prosedur-prosedur yang akan dan perlu dilalui oleh setiap pihak yang ingin membawa atau membuat tuntutan perceraian di Mahkamah Syariah. Seterusnya bab ini memaparkan kes-kes perceraian yang berlaku di Mahkamah Syariah Kuching dengan mengemukakan beberapa kes untuk pengetahuan kita bersama.

Bab Keempat yang bertajuk **Sebab-sebab Perceraian** membawa kita kepada persoalan kenapa berlakunya perceraian. Bab ini menjelaskan sebab-sebab utama yang boleh mencetuskan konflik dalam rumahtangga yang akhirnya boleh membawa kepada berlakunya perceraian.

Bab Kelima iaitu bab terakhir memberi penjelasan kepada kita tentang apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah berlakunya perceraian. Bab ini menjelaskan peranan semua pihak samada badan kerajaan, swasta dan individu bagi mengatasi masalah berlakunya perceraian.

Akhir sekali, iaitu kesimpulan yang dibuat oleh penulis mengenai penemuan-penemuan baharu dalam usaha mengenalpasti punca dan usaha untuk membendung dari berlakunya perceraian.

KANDUNGAN

| | |
|-----------------------|------|
| Penghargaan..... | i |
| Abstrak..... | iv |
| Kandungan..... | vi |
| Senarai Kes..... | xi |
| Senarai Statut..... | xiii |
| Senarai Jadual..... | xiv |
| Senarai Lampiran..... | xv |

BAB PERTAMA

MUQADDIMAH

| | |
|------------------------------------|----------|
| 1.1. Latarbelakang Kajian..... | 1 |
| 1.2. Bidang Kajian..... | 3 |
| 1.3. Tujuan Kajian..... | 3 |
| 1.4. Methodologi Kajian..... | 5 |
| 1.4.1. Metod Pengumpulan Data..... | 5 |
| 1.4.2. Metod Analisis Data..... | 6 |
| i. Metod Induktif..... | 6 |
| ii. Metod Deduktif..... | 6 |
| iii. Metod Komparatif..... | 7 |
| 1.5. Masalah Kajian..... | 7 |
| NOTAKAKI..... | 9 |

BAB KEDUA

PEMBUBARAN PERKAHWINAN (PERCERAIAN).

| | |
|---|----|
| 2.1. Pembubaran Perkahwinan (Perceraian) Dalam Islam. | |
| 2.1.1. Talaq..... | 11 |
| 2.1.1.1. Lafaz Talaq..... | 11 |
| 2.1.1.2. Jenis Talaq. | |
| a. Talaq Raj'i..... | 12 |
| b. Talaq Ba'in..... | 13 |

| | |
|---|-----------|
| 2.1.2. Cerai Ta'lik..... | 15 |
| 2.1.3. Khuluk..... | 16 |
| 2.1.4. Fasakh..... | 18 |
| 2.1.5. Li'an..... | 21 |
| 2.1.5.1. Kesan Li'an..... | 23 |
| 2.1.6. I'la..... | 24 |
| 2.1.7. Zihar..... | 26 |
| 2.1.7.1. Rukun Zihar..... | 26 |
| 2.1.7.2. Kifarat Zihar..... | 28 |
| 2.1.8. Anggapan Mati..... | 28 |
| | |
| 2.2. Pembubaran Perkahwinan (Perceraian) Menurut Ordinan Keluarga Islam Sarawak. | |
| 2.2.1. Pertukaran Agama..... | 30 |
| 2.2.2. Perceraian Dengan Talaq atau Dengan Perintah.. | 32 |
| 2.2.3. Perceraian Khuluk atau Tebus Talaq..... | 33 |
| 2.2.4. Perceraian di bawah Ta'lik atau Janji..... | 35 |
| 2.2.5. Perceraian Secara Li'an..... | 36 |
| 2.2.6. Fasakh..... | 37 |
| 2.2.7. Anggapan Mati..... | 40 |
| NOTAKAKI..... | 41 |

BAB KETIGA

KAJIAN KES.

| | |
|---|----|
| 3.1. Sejarah Peruntukan Undang-Undang Pembubaran Perkahwinan di Sarawak..... | 47 |
| 3.1.1. Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak 1956.... | 47 |
| 3.1.2. Undang-Undang Mahkamah Syariah Sarawak Order 1985..... | 49 |

| | |
|---|-----------|
| 3.2. Proses Perceraian Mengikut Pentadbiran..... | 50 |
| 3.2.1. Peringkat Ketua Kaum atau Ketua Masyarakat.... | 51 |
| 3.2.2. Peringkat Pegawai Khidmat Nasihat di Jabatan Agama Islam..... | 52 |
| 3.2.3. Prosedur di Mahkamah Syariah..... | 53 |
| 3.2.3.1. Jawatankuasa Pendamai..... | 56 |
| 3.2.3.2. Perlantikan Hakam..... | 57 |
| 3.3. Perceraian di Mahkamah Syariah Kuching..... | 61 |
| 3.3.1. Perjanjian Cerai..... | 63 |
| 3.3.2. Cerai Ta'lik..... | 65 |
| 3.3.3. Khuluk..... | 67 |
| 3.3.4. Fasakh..... | 68 |
| 3.3.5. Talaq..... | 68 |
| 3.3.6. Pembubaran Kahwin..... | 70 |
| NOTAKAKI..... | 71 |

BAB KEEMPAT

SEBAB-SEBAB PERCERAIAN.

| | |
|--|----|
| 4.1. Kurang Pengetahuan Agama..... | 74 |
| 4.2. Tanggungjawab Sebagai Suami Isteri Sering Diabaikan.. | 75 |
| 4.2.1. Tidak Mengetahui atau Memahami Tujuan atau Prinsip Perkahwinan Yang Sebenar..... | 76 |
| 4.2.1.1. Tujuan Perkahwinan..... | 76 |
| 4.2.1.2. Prinsip Perkahwinan..... | 76 |
| 4.2.2. Tidak Mengetahui atau Memahami Serta melaksanakan Kewajipan Suami Isteri..... | 77 |
| 4.3. Ekonomi..... | 77 |
| 4.4. Masalah Seks..... | 78 |
| 4.4.1. Kelemahan Seks..... | 79 |
| 4.4.2. Ejakulasi Yang Cepat..... | 79 |
| 4.4.3. Kedinginan Seks..... | 80 |
| 4.4.4. Hubungan Seks..... | 80 |

| | |
|---|-----------|
| 4.5. Nusyuz..... | 80 |
| 4.5.1. Isteri Nusyuz..... | 80 |
| 4.5.2. Suami Nusyuz..... | 81 |
| 4.5.3. Nusyuz Kerana Pengaruh Luar..... | 81 |
| 4.6. Pengaruh Sosial..... | 81 |
| 4.7. Peruntukan Undang-Undang..... | 82 |
| 4.8. Lain-lain..... | 83 |
| 4.8.1. Tersalah memilih Jodoh..... | 83 |
| 4.8.2. Latarbelakang Yang Berbeza..... | 84 |
| 4.8.3. Tidak Dapat Apa Yang Diharapkan..... | 85 |
| 4.8.4. Keinginan Manusia Berubah-ubah..... | 85 |
| 4.8.5. Kesedaran Tentang Hak dan Sanggung Berdikari.... | 86 |
| 4.8.6. Bercerai Bukan Perkara Yang Memalukan..... | 86 |
| 4.8.7. Isteri Muda Kurang Sabar..... | 87 |
| 4.8.8. Keganasan, Penagihan Dadah dan Pergaulan Bebas..... | 87 |
| 4.8.9. Komunikasi dan Membuat Keputusan..... | 88 |
| NOTAKAKI..... | 90 |

BAB KELIMA

LANGKAH-LANGKAH MENGATASI PERCERAIAN.

| | |
|---|----|
| 5.1. Pihak-pihak Yang Berkahwin..... | 92 |
| 5.1.1. Mempertingkatkan Pengetahuan Agama..... | 92 |
| 5.1.2. Mengetahui tanggungjawab Sebagai Suami Isteri..... | 94 |
| 5.1.2.1. Mengetahui atau Memahami Tujuan dan Prinsip Perkahwinan Yang Sebenar..... | 94 |
| 5.1.2.2. Mengetahui Kewajipan Suami Isteri..... | 95 |
| 5.1.3. Mengatasi Masalah Ekonomi..... | 97 |
| 5.1.4. Mengatasi Masalah Seks..... | 98 |
| 5.1.4.1. Mengatasi Masalah Kelemahan Seks..... | 98 |

| | | |
|----------|---|-----|
| 5.1.4.2. | Mengatasi Masalah Ejakulasi Yang Cepat | 99 |
| 5.1.4.3. | Mengatasi Masalah Kedinginan Seks | 99 |
| 5.1.5. | Mengatasi masalah Nusyuz | 99 |
| 5.1.5.1. | Isteri Nusyuz | 100 |
| 5.1.5.2. | Suami Nusyuz | 101 |
| 5.1.5.3. | Nusyuz Kerana pengaruh Luar | 102 |
| 5.1.6. | Cara Mengatasi Masalah Sosial | 102 |
| 5.1.7. | Lain-lain | 103 |
| 5.1.7.1. | Cara Memilih Jodoh | 103 |
| 5.1.7.2. | Latarbelakang Yang Berbeza | 105 |
| 5.1.7.3. | Tidak dapat Apa yang Diharapkan | 105 |
| 5.1.7.4. | Keinginan Manusia Berubah-ubah | 105 |
| 5.1.7.5. | Kesedaran Tentang Hak dan Wanita Sanggup Berdikari | 106 |
| 5.1.7.6. | Bercerai Bukan perkara Yang Memalukan | 107 |
| 5.1.7.7. | Mengatasi Masalah Isteri Kurang Sabar | 108 |
| 5.1.7.8. | Mengatasi Masalah Keganasan, Penagihan Dadah dan Pergaulan Bebas | 108 |
| 5.1.7.9. | Komunikasi dan Membuat Keputusan | 109 |
| 5.2. | Peranan Jabatan Agama Islam | 109 |
| 5.2.1. | Mengadakan Kursus-kursus | 110 |
| 5.2.1.1. | Kursus Pra Perkahwinan | 110 |
| 5.2.1.2. | Kursus Perkahwinan | 112 |
| 5.2.1.3. | Kursus Lanjutan | 113 |
| 5.2.2. | Rundingcara perkahwinan Menurut Perspektif Islam | 114 |
| 5.2.2.1. | Rundingcara Pra perkahwinan | 114 |
| 5.2.2.2. | Rundingcara Apabila Berlaku Konflik Rumahtangga | 114 |
| 5.2.2.3. | Rundingcara Bagi Pasangan Yang Telah lama Berkahwin | 115 |
| 5.3. | Peranan Mahkamah Syariah | 116 |
| 5.3.1. | Pentadbiran Mahkamah Syariah | 116 |
| 5.3.2. | Undang-undang | 117 |
| 5.4. | Lain-lain | 118 |
| | Penutup | 119 |
| | NOTAKAKI | 120 |
| | BIBLIOGRAFI | 122 |

SENARAI KES.

| | |
|---|--------|
| Abdul Razak b. Othman lawan Siti Jamaah bt. Satiman [1990] 7 JH 84..... | 33 |
| Abu Bakar Zainuddin lawan Hajijah bt. Anna (Bil 109/93) Mahkamah Syariah Kuching..... | 69 |
| Aisny bt. Mohd Daris lawan Haji Fahro Rozi bin Mohdi. [1990] 2 MLJ xxvi | 36 |
| Balqis Fatima lawan Najmul Ikram. PLD 1959Lah 556..... | 34 |
| Che Pa lawan Siti Rahmah [1982] 2 JH 244..... | 24, 38 |
| Dara bt Bujang lawan Sahri b. Osman. (Bil 30/91) Mahkamah Syariah Kuching..... | 66 |
| Easwari Visuvalingam lawan Kerajaan Malaysia. [1990] 1 MLJ 87..... | 30 |
| Faridah Bujang lawan Isham Abdul Latif. (Bil 86/93) Mahkamah Syariah Kuching..... | 69 |
| Habsah lawan Ahmad Abdul Hamid. [1989] 6 JH(2) 320..... | 39 |
| Hamjnah bt. Sihat lawan Bujang b Sapong. (Bil 24/91) Mahkamah Syariah Kuching..... | 66 |
| Hayati Mahmood lawan Zainudin Drahman. (Bil 86/92) Mahkamah Syariah Kuching..... | 67 |
| Ismail bin Jaafar [1990] 7 JH 100..... | 55 |
| Jaiyah bt. Abdullah lawan Mohd Ali Abdullah. (Bil 29/91) Mahkamah Syariah Kuching..... | 67 |
| Mary bt. Arip lawan Ali b. Awang Tengah (Bil 204/93) Mahkamah Syariah Kuching..... | 68 |
| Nariah bt. Sapiee lawan Ikhwan b. Abdullah @ Chia Meng Kwang (Bil 29/91) Mahkamah Syariah Kuching..... | 68 |
| Ng Swee Piau lawan Abdul Wahid [1992] 8 JH 256..... | 31 |
| Norella bt. Sarial lawan Wet b. Han. (Bil 7/88) Mahkamah Syariah Kuching..... | 65 |
| Norliza bt. Abang (Bil 16/88) Mahkamah Syariah Kuching.. | 65 |

| | |
|---|----|
| Normah bt. Harun lawan Abdul Razak [1988] 6 JH 86..... | 35 |
| Normala bt. Yusuf lawan Sulaiman b. Haji Daud. (Bil 25/88) Mahkamah Syariah Kuching..... | 64 |
| Pedley lawan Majlis Agama Islam Pulau Pinang. [1990] 2 MLJ 307..... | 31 |
| Piruz b. Bujang lawan Basheba bt. Mohd Omar (Bil 93/93) Mahkamah Syariah Kuching..... | 69 |
| Puteh bt. Marajail lawan Udin b. Bakar (Bil 4/88) Mahkamah Syariah Kuching..... | 65 |
| Rafiah lawan Hassan [1987] 6 JH 112..... | 39 |
| Rojmah bte Abdul Kadir lawan Mohsin bin Ahmad [1991] 8 JH 268..... | 55 |
| Rosila lawan Abdul Rahman [1991] 8 JH 256..... | 56 |
| Rosnani bt Hassan Abdullah lawan San Ahmad b Abu Zarin [1990] 7 JH 102..... | 39 |
| Sakti Abdullah lawan Peter Vincent Abdullah (Bil 2/92) Mahkamah Syariah Kuching..... | 67 |
| Sharifah Laila bt Syed Shamdin lawan Abdul Latif Arshad [1991] 5 Kanun (1) 171..... | 53 |
| Siteh bt Lop Ahmad lawan Mat Desa [1985] 5 JH 408..... | 36 |
| Talib lawan Che Sepiah [1980-1981] 1 JH 84..... | 34 |
| Wan Azman b Wan Sufian lawan Norlia bt Abang (Bil 40/88) Mahkamah Syariah Kuching..... | 65 |
| Zainab lawan Abdul Latif [1992] 8 JH 293..... | 33 |
| Zufar Yadi Brendan Abdullah (Bil No 1/92 PA) Mahkamah Syariah Kuching..... | 70 |

SENARAI STATUT

- Akta Mahkamah Syariah 1965 (Pindaan 1984)
- Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976.
- Enekmen Undang-Undang Keluarga Islam 1983 (Melaka)
- Enekmen Undang-undang Keluarga Islam 1984 (Selangor).
- Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak 1956.
- Ordinan Undang-Undang Mahkamah Syariah Sarawak Order 1985.
- Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 1991 (Sarawak).
- Perlembagaan Persekutuan (Pindaan 1988).

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Perkahwinan Dan Perceraian di Mahkamah Syariah Kuching Sarawak.

Jadual 2: Jenis Perceraian di Mahkamah Syariah Kuching, Sarawak.

SENARAI LAMPIRAN.

- Lampiran 1: Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 1991.
- Lampiran 2: Lafaz Ta'lik.
- Lampiran 3: Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak 1915.
- Lampiran 4: Undang-Undang Mahkamah Syariah Order 1985.
- Lampiran 5: Proses Perceraian di Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Agama Islam.

BAB PERTAMA

MUQADDIMAH

1.1. Latarbelakang Kajian.

Perkahwinan didefinisikan sebagai satu ikatan zahir dan batin antara seorang lelaki dengan seorang perempuan dalam sebuah rumahtangga buat selama-lamanya. Disamping itu ia juga bertujuan untuk menyempurnakan keperluan jasmani dan rohani berasaskan pergaulan yang baik dan niat yang suci serta ikhlas seperti yang ditetapkan oleh aqidah, syarak dan akhlak.¹

Untuk kebahagiaan bersama, suami isteri harus bersifat sabar, tabah serta menghormati keadilan dengan seluas-luasnya.² Kedua pihak perlu ada rasa saling mengerti dan bertolak ansur dalam melaksanakan suatu perkara yang membayangkan kepada perselisihan dan perkelahian yang mungkin akhirnya akan membawa kepada perceraian.

Perlu disedari, sebelum suami menjatuhkan talaq atau sebelum isteri minta ditalaqqan, talaq adalah perbuatan yang halal tetapi dimurkai Allah Taala.

Sabda Rasulullah S.A.W.³

أَبْغَضُ الْحَلَالِ إِلَى اللَّهِ الطَّلَاقُ

Maksudnya: 'Sebenci-benci perkara yang halal disisi Allah ialah talaq'.

Menurut Dr. Abdul Hamid Othman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa 90% perkahwinan yang berdasarkan pilihan sendiri menghadapi krisis rumah tangga berbanding hanya 10% daripada pilihan keluarga.⁴

Menyedari kenyataan tersebut adalah perlu bagi kita semua untuk kembali kepada konsep kekeluargaan dalam Islam yang diyakini dapat menghindari dari berlakunya perceraian.

Walaupun terpaksa, jauh dilubuk hati tiada pihak inginkan perceraian. Justeru itu penulis cuba menyingkap tentang soal kekeluargaan dengan memfokuskan mengenai perceraian dalam Islam, perceraian menurut pentadbiran undang-undang dan yang lebih penting ialah mengenalpasti sebab berlakunya perceraian serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi.

Perceraian biasanya adalah satu krisis yang paling menekan yang mengganggu adaptasi sistem keluarga. Perceraian memerlukan penyusunan semula pada tingkat penyesuaian yang baru. Perceraian akan mendatangkan kesan samada kesengsaraan ekonomi, kegembiraan, harga diri dan rasa berpengaruh lebih rendah di kalangan ibu bapa yang bercerai, kehidupan adalah kurang teratur. Wanita yang bercerai terutamanya, akan menghadapi kehancuran dalam kegiatan sosial yang dulunya melibatkan kedua-dua pasangan.⁵

Keluarga yang cekap menghadapi krisis telah dikenalpasti mempunyai nilai hidup yang tidak mementingkan kebendaan; mereka melihat masalah emosi sebagai satu cabaran yang wajar bagi mengesan masalah keluarga dengan tepat dan mengadakan pola kepimpinan equalitarian.*

1.2. Bidang Kajian.

Dalam kajian ini penulis menumpukan kajian mengenai pembubaran perkahwinan atau perceraian menurut Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak. Untuk memudahkan kajian dan melihat secara lebih efektif maka penulis memilih Bahagian Pertama iaitu Kuching. Dengan ini penulis dapat meneliti kes-kes perceraian yang diputuskan di Mahkamah Syariah Kuching.

Dengan yang demikian dapat diketahui jumlah perceraian dan sebab perceraian di Kuching. Dengan kajian seperti ini kita akan didedahkan secara terperinci apa-apa perangkaan mengenai perceraian.

1.3. Tujuan Kajian.

Penulis sengaja memilih tajuk 'Pembubaran Perkahwinan Menurut Ordinan Keluarga Islam Sarawak: Kajian di Mahkamah Syariah Kuching. Ianya bertujuan untuk meneliti dengan lebih terperinci proses perceraian bermula dari krisis rumahtangga sehinggalah diputus atau disahkan perceraian oleh mahkamah jika berpuashati.

Selain itu, penulis juga ingin menyingkap tentang prosedur-prosedur perceraian yang perlu diikuti oleh pihak-pihak di Mahkamah Syariah. Dengan meneliti kepada prosedur pentadbiran kita dapat melihat pada peringkat manakah masalah atau kelemahan selalunya berlaku. Agar dengan itu kita dapat mengambil langkah-langkah perlu untuk mempertingkatkan pentadbiran Mahkamah Syariah.

Seterusnya untuk melihat peruntukan-peruntukan yang ada, yang mungkin terdapat kelemahan atau percanggahan untuk ditadbirkan. Sekiranya terdapat kelemahan kita akan cuba untuk mencadangkan agar peruntukan yang ada dipinda atau dimansukh atau ditambah.

Disamping itu penulis cuba mengenalpasti samaada hipotesis berhubung perceraian samada betul atau tidak. Untuk mengetahuinya perlulah dibuat kajian yang terperinci sehingga dibuktikan hipotesis betul atau tidak.

Setiap penyakit ada ubatnya, begitulah juga dengan perceraian yang menjadi suatu penyakit merbahaya dalam masyarakat kita sekarang. Sehubungan dengan itu penulis akan cuba mengketengahkan sebab-sebab berlakunya perceraian dan langkah yang perlu diambil bagi membendung dan mengatasi penyakit tersebut.

1.4. Methodologi Kajian.

Dalam membincangkan metodologi kajian ini, adalah wajar sekiranya dibincangkan terlebih dahulu mengenai definasi metodologi kajian itu sendiri. Perkataan metode atau metodologi dalam bahasa Malaysia diambil dari bahasa Inggeris iaitu method atau methodology.⁷ Menurut Kamus Dewan, metode beerti cara melakukan sesuatu atau sistem.⁸

Istilah metodologi adalah berasal dari perkataan Yunani iaitu methodos yang beerti cara atau jalan dan logos yang bermakna ilmu. Dengan yang demikian metodologi adalah ilmu tentang cara atau ilmu tentang cara mengadakan penyelidikan dan kajian. Ia juga disebut sebagai cara atau jalan mengenai masalah cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan.⁹

1.4.1. Metod Pengumpulan Data.

Terdapat beberapa metod yang digunakan oleh penulis untuk mengumpul data-data, antaranya;

i. Metod Sejarah ialah suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian.¹⁰ Ia adalah mengenai pengkajian masalah dari segi sejarahnya dan menumpukan perhatiannya kepada proses gejala fenomena, peristiwa atau konsep yang lahir pada masa lalu.¹¹

ii. **Metod Temubual** merupakan salah satu cara untuk mendapatkan maklumat atau data. Untuk mendapatkan maklumat melalui metod ini penulis mewawancara beberapa orang yang mempunyai otoriti bagi memperolehi laporan-laporan kes, statistik perkahwinan dan perceraian, masalah-masalah yang dihadapi atau apa-apa bahan yang diperlukan untuk dimuatkan dalam kajian ini.

1.4.2. **Metod Analisis Data.**

Analisis data yang dirujuk kepada reduksi data adalah proses mengecilkan data untuk dijadikan suatu bentuk yang sesuai bagi analisis.¹² Dalam menganalisis data-data, terdapat beberapa metode yang digunakan oleh penulis iaitu;

i. **Metod Induktif.**

Metode pengitlakan ialah pengitlakan empiris ¹³ dengan cara menarik kesimpulan dari beberapa data dan maklumat khusus yang dianalisa untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

ii. **Metode Deduktif.**

Metode Deduktif adalah kebalikan Metode Induktif. Ia dilakukan dengan cara membuat kesimpulan yang berpangkal dari dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar mencari kesimpulan khusus. Ia adalah teori formal yang merupakan teori ahli sains fizik yang menekankan kepada pembentukan hukum-hukum selalunya dalam bentuk kuantitatif.¹⁴

iii. Metode Komparatif.

Metode Komparatif dilakukan dengan membuat kesimpulan daripada perbandingan semua fakta dan data yang diperolehi.

1.5. Masalah Kajian.

Setiap perkara yang dilakukan pasti akan menghadapi masalah dan kesukaran walaupun dirancang dengan teliti. Manusia hanya mampu untuk merancang tetapi Allah S.W.T jua yang menentukan. Walau bagaimanapun setiap masalah yang dihadapi akan mengajar kita untuk mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Dalam menyiapkan kajian ini, penulis menghadapi masalah kesuntukan masa. Ini kerana masa yang diberikan agak terhad untuk menyiapkan kajian seperti ini yang sememangnya memerlukan masa yang agak lama.

Selain itu masalah yang dihadapi oleh penulis ialah tempat kajian adalah jauh iaitu di Kuching. Dengan itu penulis terpaksa ke Bandaraya Kuching untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Seterusnya masalah teknikal ketika menyiapkan kajian terutama dalam peringkat menaip turut memberi kesan kepada proses penyediaan kajian ini.